

'Usahawan Bumiputera perlu siap diri hadapi cabaran'

Kuala Lumpur: Komuniti perniagaan Bumiputera di negara ini perlu menyiapkan diri untuk menghadapi cabaran pelaksanaan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA), bukan lagi mempertikai dan membantah perjanjian berkenaan.

Fellow Kanan, Institut Kajian Malaysia dan Kebangsaan, Prof Madya Dr Sufian Jusoh, berkata secara peribadi beliau percaya Malaysia tetap akan menandatangani TPPA kerana faktor manfaat yang diperoleh daripada perjanjian itu.

Sehubungan itu, katanya, sepatutnya sudah ada persediaan untuk menghadapi pelaksanaan perjanjian itu mulai sekarang dan memahami setiap bab yang ada dalam TPPA.

"Berdasarkan kajian, didapati usahawan bukan Bumiputera sudah mula menjalankan strategi untuk menghadapi TPPA.

Sedia dapat manfaat

"Komuniti perniagaan bukan Bumiputera juga sudah menjalankan kajian pasaran dan memahami setiap bab yang ada dalam perjanjian itu dan mereka bersedia untuk mendapat manfaat daripadanya," katanya mengulas mengenai kebimbangan ramai terhadap perjanjian itu menjelang sidang khas Dewan Rakyat mengenai TPPA pada 26 dan 27 Januari ini.

Mengenai pengangguran dan persaingan pasaran buruh, katanya, pasaran terbuka melalui TPPA mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan terutama dalam bidang k-ekonomi, kreatif dan inovasi.

Justeru, katanya, dakwaan TPPA boleh menyebabkan pekerja negara anggota perjanjian itu kehilangan pekerjaan adalah tidak tepat.

Tenaga kerja

Katanya, beliau tidak menafikan dengan pelaksanaan TPPA akan menyebabkan sektor pengeluaran semakin berkembang dan produktiviti bertambah, sekaligus tenaga kerja akan diganti dengan penggunaan mesin serta teknologi baharu.

Bagaimanapun, katanya, ia tidak bermakna tenaga kerja terutama kumpulan yang ada kemahiran dan kepakaran akan dipinggirkan.

Baru-baru ini, pakar ekonomi yang juga pemegang Kerusi Tun Hussein Onn dalam Pengajian Antarabangsa untuk sesi 2016/2017, Institut Kajian Strategik dan Antarabangsa (ISIS), Prof Dr Jomo Kwame Sundaram dalam forum TPPA 2016, anjuran Persatuan Ekonomi Malaysia mempersoalkan manfaat diperoleh Malaysia melalui TPPA.

Jomo yang juga Penolong Ketua Pengarah dan Penyelaras Ekonomi dan Pembangunan Sosial, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu bagi Makanan dan Pertanian bagi tahun 2012-2015, dilaporkan berkata, manfaat ekonomi daripada TPPA adalah meragukan serta risiko yang besar bakal dihadapi jika menyertainya, termasuk jumlah kehilangan pekerja dalam kalangan negara anggotanya.